



Headline: Masih ada terpedaya macau scam

Publication/Portal: Utusan Sarawak

Date: 6 March 2020

Language: Malay

Section: Tempatan

Page: 2

Masih ada terperdaya macau scam

SIBU: Walaupun pelbagai pendedahan dan tangkapan membabitkan konco macau scam dilakukan pihak berkuasa namun masih ada masyarakat yang menjadi mangsa.

Dua lagi individu menjadi mangsa terbaru sindiket penipuan tersebut termasuk surirumah dan jurujual jentera, masing-masing membabitkan nilai kerugian RM8,100 dan RM50,000.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, pada 3 Mac lalu kira-kira jam 12.07 tengah hari, mangsa wanita, 53, yang juga seorang suri rumah dihubungi oleh seseorang dari Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang.

Katanya, suspek mendakwa nama mang-

sa disenarai hitam kerana mempunyai tunggakan pembayaran bil Telekom sebanyak RM8,100.

"Suspek juga mendakwa ada individu lain yang menggunakan maklumat peribadinya untuk melanggan bil tersebut dan meminta mangsa untuk membuat pembayaran bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Mangsa yang terpedaya kemudian membuat tiga transaksi berasingan ke dalam satu akaun bank atas nama seseorang sebelum menyedari dirinya ditipu suspek," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu menurut Stanley, dalam kes yang berasingan, seorang jurujual jentera berputih mata setelah mengalami kerugian sebanyak RM50,000 apabila membeli barang gantian jentera secara atas talian.

Stanley berkata, pada 17 Januari lalu, lebih kurang jam 2.30 petang, mangsa lelaki, 27, telah melihat satu iklan menjual barang gantian jentera secara atas talian.

"Mangsa kemudian menghubungi nombor telefon yang diiklankan dan berbincang lalu bersetuju untuk membeli alat tersebut dengan harga RM50,000.

"Suspek berjanji barang akan dihantar selepas tiga hari wang pembayaran dibuat dan mangsa dikatakan akan menerima barang tersebut dalam masa seminggu kemudian.

"Tanpa mengesyaki apa-apa pada awalnya, mangsa memindahkan wang ke dalam satu akaun bank pada 23 Januari lalu.

"Bagaimanapun, sehingga laporan dibuat mangsa masih belum menerima barang seperti yang dijanjikan dan nombor telefon suspek tidak dapat dihubungi lagi," ujarnya.

Jelas Stanley, kedua-dua kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Kесkaan kerana menipu.